



## Kerjaya Prospek menang dua kontrak berjumlah RM34.43 juta

Oktober 23, 2024



Kerjaya Prospek Group Bhd.

KUALA LUMPUR: Kerjaya Prospek Group Bhd (Kerjaya Prospek) meraih dua kontrak bernilai RM34.43 juta daripada anak syarikat milik penuh Kerjaya Prospek Property Bhd (KPPB), syarikat milik pengarah dan pemegang saham utama tertentunya.

Menurut kumpulan pembinaan itu, anak syarikatnya Kerjaya Prospek (M) Sdn Bhd (KPM) semalam menerima surat lantikan bernilai RM18.45 juta daripada Greencove Sdn Bhd dan surat lantikan bernilai RM15.98 juta daripada Pixel Valley Sdn Bhd.

Dalam kenyataan berasingan kepada Bursa Malaysia hari ini, Kerjaya Prospek berkata, kontrak pertama adalah berkaitan pembersihan tapak, kerja-kerja tanah, cerucuk dan kerja-kerja struktur berkaitan bagi cadangan pembangunan di Damansara Damai, Selangor.

Menurutnya, kontrak kedua membabitkan kerja-kerja cerucuk dan tukup cerucuk bagi cadangan pembangunan di Batu Kawan, Pulau Pinang.

Kedua-dua kontrak yang bermula pada 5 November 2024, akan disiapkan dalam tempoh 18 bulan daripada tarikh bermula.

Penerimaan kontrak itu adalah rutin perniagaan KPM dan dilaksanakan berdasarkan berdasarkan syaratsyarat komersial biasa, katanya.

"Selain itu, kontrak berkenaan dijangka menyediakan aliran perolehan tambahan untuk kumpulan dalam tempoh dua tahun akan datang," katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif Kerjaya Prospek, Tee Eng Tiong, berkata kumpulan itu gembira menerima kedua-dua kontrak ini, yang menggambarkan komitmen untuk menyediakan perkhidmatan pembinaan yang berkualiti tinggi.

"Berikutan sebanyak 10 kontrak yang diraih setakat ini pada tahun ini berjumlah RM1.6 bilion, nilai perolehan kontrak yang belum selesai pada masa ini mencapai RM4.5 bilion.

"Kami berharap dapat mengukuhkan lagi kedudukan kami di pasaran dan memberi sumbangan ketara kepada kejayaan pembangunan ini," katanya.

Pengerusi Kerjaya Prospek, Datuk Seri Tee Eng Ho adalah pemegang saham utama Kerjaya dan KPPB berdasarkan kepentingan beliau dalam kedua-dua syarikat menerusi syarikat, dengan beliau dan isterinya, Datin Seri Toh Siew Chuon dan abangnya, Datuk Tee Eng Seng mempunyai kepentingan langsung.

Siew Chon juga adalah Pengerusi Eksekutif KPPB manakala Eng Seng sebagai Pengarah Eksekutif.

## **Berita Harian**

## 23 October 2024